



Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
National Pharmaceutical Control Bureau
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami: (2) dlm. BPFK/30/101/20 Bhn 2
Tarikh : 17 APR 2013

SEMUA PENGILANG TRADISIONAL DAN KOSMETIK

Tuan/Puan,

Pembayaran Caj Pemeriksaan Amalan Perkilangan Baik (APB) Yang Dijalankan Oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) Ke Atas Pengilang Tradisional dan Kosmetik Secara Pra Bayar

Perkara tersebut dirujuk.

2. Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) telah mengkaji semula kaedah pembayaran pemeriksaan APB yang dijalankan oleh jabatan ini ke atas syarikat pengilang tradisional dan kosmetik dan telah memutuskan bahawa semua bayaran caj pemeriksaan APB akan dilakukan secara pra-bayar.
3. Syarikat pengilang tradisional dan kosmetik yang diperiksa secara rutin perlu melakukan pembayaran terlebih dahulu sebelum pemeriksaan APB dijalankan mulai **1 Julai 2013**. BPFK akan menyediakan inuis pemeriksaan dan tuan/puan perlu melakukan pembayaran mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Bagi syarikat yang memerlukan pemeriksaan APB dari BPFK (pemeriksaan bukan rutin), tuan/puan dikehendaki membuat permohonan pemeriksaan melalui Borang Permohonan Pemeriksaan APB (BPFK 504) yang boleh didapati dari laman web BPFK mulai **1 Jun 2013**.
4. Untuk makluman tuan/puan, kadar caj pembayaran pemeriksaan yang dikenakan adalah berdasarkan Surat Kajian semula Caj Bayaran Pemeriksaan GMP Bagi Premis Pengilang Tempatan dan Luar Negara (KK/BP09/441/239 Jld 3 [50]) bertarikh 13 Mac 2007. **Tuan/puan dinasihatkan untuk melaksanakan pembayaran yang dikenakan supaya tidak menjejaskan urusan regulatori seperti pendaftaran produk, notifikasi kosmetik, pelesenan dan pensijilan tuan/puan dengan BPFK.**

5. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Komplians dan Pelesenan di talian 03-78835565 atau e-mel di gmp@bpfk.gov.my.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah



(TAN ANN LING)

Pengarah Regulatori Farmasi
Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia

- s.k.
1. Timbalan Pengarah Pusat Pendaftaran Produk
 2. Timbalan Pengarah Pusat Pasca Pendaftaran Produk
 3. Timbalan Pengarah Pusat Pembangunan Organisasi
 4. Ketua Pusat Pentadbiran- Unit Kewangan Akaun dan Hasil